

ALIRAN PERTUTURAN BAHASA ROJAK DALAM KALANGAN PENGGUNA *FACEBOOK* DI MALAYSIA

***Mohd Syuhaidi Abu Bakar, Aliffluqman Mohd Mazzalan**

Faculty of Film, Theatre and Animation
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Selangor, Kampus Puncak Perdana
40150, Shah Alam, Selangor, Malaysia

*Corresponding author's email: syuhaidi@salam.uitm.edu.my, mohdsyuhaidi@gmail.com

Submission date: 15 Feb 2018

Accepted date: 15 April 2018

Published date: 20 May 2018

Abstract

Efforts to uphold the national language require strong support and commitment from the community, especially in the Information and Communications Technology (ICT) era, where ICT, internet, and social media explosions have led to the spread of language mix through the use of simple words when communicating. Facebook is the most popular social site among Malaysians. However, in their enthusiasm using Facebook, they often use mixed language or Bahasa Rojak in their daily lives. The speech flow of Bahasa Rojak, which is a mixture of Malay and English is said to be a reflection of the attitudes and dislikes of Malaysians towards the Malay language, and the use of national language. The purpose of this study was to study the flow of speech used in the Facebook among users in Malaysia. This study uses a qualitative study method where data is obtained through content analysis. A total of 25 informants were involved in this study. The findings show that Bahasa Rojak, a mix of Malay and English in Facebook is very much used by users in Malaysia. This shows a reflection of the attitude and disaffection of Malaysians on the use of Malay language on social sites. This finding also demonstrates that the problem of Bahasa Rojak on social sites should be viewed more seriously so that the national language can be set to a better position.

Keywords: Mixed Language, Facebook, Code-Switching

Usaha memartabatkan bahasa kebangsaan memerlukan sokongan padu dan komitmen daripada masyarakat terutama dalam era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), di mana ledakan ICT, internet dan media sosial menyebabkan berleluasanya pencemaran bahasa menerusi penggunaan perkataan ringkas ketika berkomunikasi. *Facebook* merupakan laman sosial yang paling popular dalam kalangan rakyat Malaysia. Namun, dalam keghairahan mereka menggunakan *Facebook*, mereka sering menggunakan percampuran bahasa atau bahasa rojak dalam kehidupan harian mereka. Aliran pertuturan bahasa rojak, iaitu campuran bahasa Melayu dan Inggeris dikatakan merupakan cerminan sikap dan ketidakyakinan rakyat Malaysia terhadap bahasa Melayu, dan penggunaan bahasa kebangsaan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji aliran pertuturan penggunaan bahasa rojak yang digunakan di laman sosial *Facebook* di negara ini. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif yang mana data diperolehi sepenuhnya menerusi analisis isi kandungan. Seramai 25 orang informan terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada pengguna laman sosial *Facebook*. Dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan bahasa rojak, iaitu campuran bahasa Melayu dan Inggeris dalam laman sosial *Facebook* adalah amat ketara digunakan oleh pengguna di Malaysia. Ini menunjukkan cerminan sikap dan ketidakyakinan rakyat Malaysia terhadap penggunaan bahasa Melayu di laman sosial. Dapatan ini juga membuktikan bahawa

masalah bahasa rojak di laman sosial perlu dilihat dengan lebih serius supaya bahasa kebangsaan dapat dimartabatkan kepada kedudukan yang sepatutnya.

Keywords: Bahasa Rojak, Facebook, Code-Switching

1.0 PENGENALAN

Bahasa merupakan teras keterampilan dan kebanggaan sesuatu bangsa di muka bumi ini. Budaya yang diwarisi sejak turun-temurun dicerminkan melalui kesatuan sesebuah masyarakat (Hisham Musa & Halimah Pondo, 2012). Dengan tanggapan inilah banyak negara di dunia, terutamanya negara maju seperti Perancis, Jerman, Itali, Jepun, Korea dan Denmark mengekalkan penggunaan bahasa ibunda masing-masing untuk membuktikan kepada dunia bahawa bahasa mereka mempunyai daya saing, maju serta dikagumi seluruh dunia.

Bahasa berupaya mengangkat martabat sesuatu bangsa di mata dunia, selain daripada menggambarkan sahsiah seseorang individu. Ini kerana bahasa yang santun dan beradab mencerminkan budi pekerti masyarakat yang mulia, peramah, bersopan santun dan berbudi bahasa. Di Malaysia, Bahasa Melayu menjadi alat untuk memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum tanpa mengira latar belakang dan perbezaan warna kulit. Dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia sudah termaktub bahawa kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara Malaysia (Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, 2006).

‘Bahasa Jiwa Bangsa’ dan ‘Bahasa Menunjukkan Bangsa’ merupakan peribahasa Melayu untuk menanam pegangan dan jati diri dalam kalangan masyarakat Malaysia. Peribahasa Melayu ini sering diuar-uarkan di media elektronik mahupun di media cetak. Menurut Jabatan Penerangan Malaysia, kempen ini bermula pada sekitar tahun 1960-an dan masih berterusan sehingga kini. Kempen ini menegaskan bahawa bahasa adalah tunjang sesuatu bangsa.

Atas tujuan yang sama, diwujudkan pula kempen ‘Cintai Bahasa Kita’ sementara Bulan Bahasa Kebangsaan pula turut disambut setiap tahun pada bulan Oktober. Kempen sebegini seolah-olah tidak memberi kesan terhadap masyarakat Malaysia. Jika diperhatikan masih ramai rakyat Malaysia yang tidak fasih berbahasa Melayu. Bagi yang tinggal di bandar-bandar besar, mereka lebih gemar menggunakan Bahasa Inggeris atau bahasa asing sebagai medium komunikasi.

Walaupun Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara, namun Bahasa Inggeris yang menjadi bahasa kedua lebih diterima pakai dalam urusan pekerjaan dan industri. Bahasa Inggeris juga menjadi semakin penting apabila bahasa ini banyak digunakan dalam sektor pendidikan tinggi, perubatan serta sains dan teknologi. Selain itu, Bahasa Inggeris turut digunakan sebagai bahasa rasmi dalam urusan perdagangan, pelancongan dan pengantarabangsaan di negara-negara ASEAN dan Asia.

Disebabkan status ini, kedudukan Bahasa Melayu, terutama dalam sektor swasta dan industri tergugat. Bahasa Inggeris menjadi pilihan utama dalam urusan pekerjaan dan komunikasi. Secara tidak langsung, keadaan ini membawa kepada fenomena percampuran kod atau bahasa rojak (BR) dalam kalangan masyarakat Malaysia. Teo Kok Seong (seperti yang dipetik dalam Norzam Noor dan Abdul Rashid Daeng Melebek, 2009) menyatakan percampuran kod merupakan fenomena bahasa yang berleluasa dewasa ini dan berlaku sewenang-wenangnya.

Fenomena ini bagaikan sudah diterima oleh masyarakat serta menjadi amalan biasa bagi sebuah masyarakat yang pelbagai bahasa. Percampuran kod berlaku dalam bahasa lisan dan penulisan, terutamanya dalam penulisan karya-karya kreatif Melayu kontemporari dan media sosial serta

kebanyakkan karya kreatif ini ditulis megikut kreativiti dan pegangan penulis untuk menggambarkan realiti masyarakat Malaysia. Melalui pemerhatian, dapat dilihat bahawa terdapat satu budaya penggunaan percampuran kod dalam karya-karya kreatif yang melibatkan budaya dwibahasa. Implikasinya, kedwibahasaan dalam karya-karya kreatif tersebut menjadi tidak standard.

Teknologi pada masa kini telah berkembang dengan pesatnya sebagai cendawan tumbuh selepas hujan. Ianya telah membawa kepada kepesatan teknologi komunikasi dan mendorong kepada penyebaran akses internet dengan lebih pantas dan menular dalam komunikasi harian. Penggunaan media sosial seperti *Blog*, *Twitter*, *Whatsapp* dan *Facebook* membawa kepada penglibatan berkomunikasi pengguna dengan lebih pantas dalam berhubung.

Dalam dunia yang penuh dengan berteknologi ini, keperluan media oleh setiap individu sebagai medium perantaraan untuk mendapatkan maklumat dan berkomunikasi dalam bentuk media cetak mahupun media elektronik tidak dapat disangkal lagi penggunaannya. Media dan komunikasi menjadi dua perkara yang berhubung kait antara satu sama lain dalam tujuan penyebaran dan penyaluran maklumat.

Media sosial semakin mendapat perhatian dengan adanya perkembangan teknologi yang terkini. Secara amnya, teknologi web 2.0 diguna pakai sebagai asas umum media sosial. Walaupun begitu, secara kasarnya penyumbang terbesar dalam perkembangan teknologi ini adalah golongan remaja. Ini mungkin kerana teknologi media sosial mudah diakses dan memberikan banyak manfaat kepada aktiviti pembelajaran terutamanya bahasa.

Ini didorong dengan kombinasi maklumat dalam pelbagai format yang dijanakan seperti video, gambar serta animasi bergerak. Walaupun begitu, ada yang berfikiran negatif mengenai perkembangan dan kemajuan teknologi ini. Hal ini disokong dengan kenyataan Danah Boyd (2010) yang menyatakan bahawa pengguna media sosial tidak mengendahkan maklumat yang dijana dan ia membuatkan kurangnya kecenderungan amalan membaca oleh pengguna.

Bahasa dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah digunakan oleh pengguna sebagai medium yang baru untuk mereka menyampaikan pendapat. Menurut Sulaiman Ngah Razali (1996), akibat daripada kebangkitan evolusi internet di dunia telah menyebabkan peningkatan yang mendadak dalam penggunaan telekomunikasi menerusi internet. Justeru itu, manusia dapat berhubung dan berkomunikasi tanpa sempadan dan kekangan masa antara satu sama lain.

Oleh itu, pengguna-pengguna media sosial yang dari latar belakang dwibahasa akan menyebabkan Bahasa Melayu sebagai bahasa media komunikasi akan mengalami beberapa perubahan. Menerusi komunikasi berasaskan komputer (*Computer-Mediated Communication – CMC*) yang dinyatakan oleh Teo Kok Seong (2003), isu penggunaan bahasa rojak yang semakin berleluasa ini hangat diperdebatkan oleh para sarjana linguistik sejak kebelakangan ini.

Berikutan tanpa kekangan masa dan sempadan di dalam dunia siber, mereka dapat meluahkan pendapat serta luahan harian mereka menerusi medium yang sesuai iaitu *Facebook*. Oleh itu, kajian tentang bahasa rojak di *Facebook* adalah satu kajian yang menarik kerana penulis perlu menganalisa serta mengumpul data-data yang diperolehi daripada para informan. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka corak penggunaan bahasa rojak yang digunakan oleh pengguna di dalam laman sosial *Facebook*.

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN DAN TINJAUAN LITERATUR

2.1 Permasalahan Kajian

Menurut Tan Sri Lee Lam Thye (Utusan Malaysia, 2014), nasib dan masa depan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan kian terhakis oleh sikap rakyat Malaysia. Aliran pertuturan bahasa rojak, iaitu campuran bahasa Melayu dan Inggeris adalah merupakan cerminan sikap dan ketidakyakinan rakyat Malaysia terhadap bahasa Melayu, dan penggunaan bahasa kebangsaan. Zubaidah Ibrahim (2017) pula mendakwa bahawa penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya generasi muda semakin lesu dan celaru. Mereka bergelut dengan penggunaan bahasa rojak yang semakin popular serta digunakan secara meluas dalam komunikasi harian. Golongan profesional dilihat lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris dalam kebanyakan urusan.

Shawn Wilbur dalam David Bell dan Barbara Kennedy (2000) menyatakan dunia maya adalah medium yang menghubungkan jaringan teknologi menerusi komputer. Justeru itu, bahasa komunikasi atau *contact language* di dunia ini cuba digulingkan oleh komuniti maya berdasarkan estetik serta fahaman mereka dan menyebabkan hasilnya akan kewujudan variasi bahasa yang tersendiri.

Hal ini turut disokong oleh Marie-Laure Ryan (1999) yang menyatakan bahawa penghasilan variasi bahasa yang tersendiri disebabkan kerana pengguna dunia siber kini suka menggunakan mod tulisan daripada mod lisan. Justeru itu, Ryan berpendapat terdapat perbezaannya dengan bahasa lisan dalam komunikasi langsung atau secara bersemuka. Penulis menyedari bahawa pengguna dunia siber lebih suka menggunakan kaedah menaip di papan kekunci sebagai mod tulisan. Hal ini demikian akan menyebabkan mereka suka berinteraksi sesama mereka menggunakan mod tulisan.

Punca berlakunya bahasa rojak adalah disebabkan sikap segelintir masyarakat yang tidak peka bahawa penggunaan bahasa baku kini kian terhakis dek penggunaan bahasa rojak. Istilah “sekerat ular sekerat belut” telah dinyatakan oleh Tan Sri Dr. Rais Yatim iaitu Penasihat Sosiobudaya Kerajaan Malaysia sebagai bahasa rojak kerana beliau bimbang akan bahasa kebangsaan kian luntur kerana pertuturan seharian kini dicampuradukkan dengan unsur bahasa asing.

Seterusnya berpunca daripada segelintir masyarakat yang tidak petah bertutur dalam bahasa ibunda dan akibatnya terhasillah bahasa rojak (Aminudin Mansor, 2013). Bahasa rojak dianggap sesuatu yang kreatif dalam penggunaan seharian. Hal ini demikian kerana ia mudah bagi seseorang itu untuk menyampaikan maksud yang ingin diucapkan. Ia telah menjadi satu cabaran dalam revolusi bahasa. Jika tidak dibendung gejala bahasa rojak ini, kemungkinan akan menjadi satu kebiasaan dan terhasilnya struktur bahasa yang menyimpang dari hukum tatabahasa.

Menurut sarjana bahasa, percampuran bahasa di laman siber dianggap aneh dan boleh menjejaskan bahasa baku. Namun bagi golongan ini, mereka merasakan ia satu keunikan, berbeza stilistik dan kelihatan mudah dalam komunikasi walaupun ia dalam komunikasi tulisan (Noriah Mohamed, 2006). Oleh kerana sistem pendidikan dwibahasa dan pluraliti di Malaysia, penutur mesti tahu lebih daripada satu bahasa. Menurut Kamila Ghazali (2010), di samping menggunakan bahasa ibunda mereka melalui pengajaran keluarga yang tidak formal pada usia muda, pelajar juga belajar dan menggunakan bahasa kedua atau ketiga melalui pendidikan formal. Oleh itu, pengalihan kod lebih cenderung berlaku agar komunikasi berjaya di kalangan penutur yang mempunyai latar belakang sosial yang berbeza.

Walaupun kajian yang lebih luas telah dilakukan untuk menjelaskan fenomena linguistik dalam komunikasi lisan, skop penukaran kod dalam komunikasi berasaskan komputer belum jelas, terutamanya laman rangkaian sosial yang telah mendapat populariti dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Oleh itu,

kajian ini cuba untuk mengisi jurang ini dengan mendedahkan aliran pertuturan bahasa rojak di kalangan pengguna *Facebook* di Malaysia.

2.2 Tinjauan Literatur

Pada tahun 2009, Malaysia mempunyai 137 bahasa dengan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan (Lewis, 2009). Gabungan tiga kumpulan etnik utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India dan mereka ini terdedah kepada pelbagai bahasa dan dialek. Bahasa Inggeris, sebagai *lingua franca* antarabangsa juga dimasukkan sebagai salah satu mata pelajaran utama di sekolah sebagai bahasa kedua untuk memastikan pelajar mempunyai asas terhadap bahasa kedua yang paling banyak digunakan di dunia.

Walaupun bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah kebangsaan di peringkat rendah dan menengah, bahasa-bahasa dari dua kumpulan etnik utama yang lain juga digunakan untuk pengajaran di sekolah jenis kebangsaan iaitu Cina dan Tamil. Ini untuk memastikan bahasa-bahasa ini dikekalkan dan diselenggarakan untuk generasi masa depan rakyat Malaysia selain bahasa kebangsaan (Kamila, 2010).

Oleh itu, sistem pendidikan membolehkan pelajar mempelajari sekurang-kurangnya dua hingga tiga bahasa selain bahasa ibunda yang dipelajari sebelum pendidikan formal. Bahasa rojak adalah istilah popular yang digunakan untuk menggambarkan bahasa-bahasa di Malaysia atau terutamanya Bahasa Manglish (Bahasa Malaysia-Inggeris), penyesuaian kata-kata bahasa Inggeris dengan perkataan dari beberapa bahasa yang terdapat di Malaysia terutamanya Melayu, Cina, Hokkien, Kantonis dan Tamil.

Penggunaan Bahasa Komunikasi Berasaskan Komputer (CMC) yang terkini memaksa keadaan bahasa yang berbeza untuk digunakan berbanding dengan bentuk komunikasi konvensional yang lain. Ini telah menunjukkan hasil yang bercanggah bagaimana bahasa digunakan dalam CMC. Hale (1996) mendakwa bahawa bahasa CMC cenderung kurang ekspresif atau canggih daripada bentuk penulisan tradisional. Contohnya, bahasa e-mel mempunyai ciri-ciri struktur yang mudah, perkataan yang kurang rumit dan kesilapan ejaan.

Walau bagaimanapun, penyelidikan Herring (1996) menunjukkan bahawa mesej e-mel untuk tujuan perbincangan profesional adalah rumit dengan sedikit kesilapan, serta mencadangkan faktor demografi dan matlamat komunikasi sebagai faktor penting dalam menentukan bahasa yang digunakan dalam CMC dan menurut Herring (1996):

Language will necessarily be affected by technological (or medium) variables such as synchronicity (e.g. where instant messaging is synchronous, email is asynchronous), granularity (i.e. how long or short text may be) and multimodality (e.g. whether or not graphics, audio and video are included), as well as other nonlinguistic variables such as participant's relationships, expectations and levels of motivation.

(m. s. 430).

Di samping itu, Du Bartell (1995) menerangkan bahasa CMC yang menunjukkan pembinaan tatabahasa bahasa spontan dan bahasa tidak rasmi dalam interaksi lisan. Oleh itu, perubahan penukaran kod juga boleh dikesan dari media komunikasi yang berkembang pesat.

Mónica Cárdenas-Claros dan Neny Isharyanti (2009) mengkaji fenomena penukaran kod dan pencampuran kod dalam CMC segerak atau perbualan ruang sembang khusus dari pengguna bahasa Inggeris asli dari latar belakang Sepanyol dan Indonesia.

Kajian kes mengandungi empat soalan penyelidikan. Persoalan pertama adalah menghitung jumlah kelaziman pencampuran kod dan penukaran kod antara responden latar belakang bahasa Sepanyol dan Indonesia. Kemudian, pengkaji menentukan sama ada penukaran kod yang dimulakan oleh pengkaji juga mencetuskan responden untuk menukar kod. Topik dan fungsi bahasa yang mencetuskan penutur untuk bertukar paling banyak dan topik umum dan / atau berbeza untuk kedua-dua budaya juga dikenalpasti. Akhirnya, pengkaji membincangkan kategori percampuran kod yang sering diikuti oleh responden dalam bahasa campuran.

Data dalam bentuk transkrip telah dikumpulkan dan penukaran kod dan pencampuran kod telah dikenalpasti dan dikira. Contoh penukaran kod dikategorikan kepada tiga pemboleh ubah iaitu yang ditukar oleh pengkaji dan diikuti oleh responden, pertukaran yang dimulakan oleh pengkaji dan tidak diikuti oleh responden dan responden yang memulakan penukaran kod termasuk topik dan kekerapan pada setiap pemboleh ubah. Begitu juga, contoh percampuran kod dikategorikan kepada tiga jenis iaitu penyisipan, penggantian, dan leksikal.

Responden kajian adalah penutur bahasa Inggeris yang mahir dari pelbagai universiti di Amerika. Daripada 12 peserta lelaki yang terlibat, enam adalah latar belakang Indonesia manakala enam lagi adalah Amerika Latin dari lima negara iaitu Colombia, Chile, Uruguay, Mexico, dan Argentina. Walaupun sejumlah 84 transkrip *MSN Messenger* dikumpulkan dalam dua bulan, hanya 20 perbualan bahasa Indonesia dan 20 perbualan bahasa Sepanyol dianalisis dan dibandingkan untuk dijadikan data. Hasil kajian menunjukkan bahawa penukaran kod lebih kerap digunakan di kalangan responden mahasiswa Indonesia (174 kali dibandingkan dengan 116 kali) walaupun jumlah pertukaran dalam bahasa Sepanyol lebih tinggi dan lebih panjang (1935 baris atau 9113 perkataan berbanding 1035 baris atau 4119 kata). Fonetiknya adalah serupa antara bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris “yes”, “yeah”, dan “ya” berbanding “yes” dan “Si” dalam bahasa Sepanyol. Selain itu, topik dan fungsi yang sering diguna untuk penukaran kod dan percampuran kod dalam kedua bahasa adalah ucapan pemisahan (11%), istilah berkaitan komputer (10%), akademik (9%) dan sukan (6%).

3.0 KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian analisis isi kandungan dalam mengkaji aliran pertuturan penggunaan bahasa rojak yang digunakan di laman sosial *Facebook* di negara ini. Pemilihan informan pula dilakukan menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*), yang mana informan merupakan rakyat Malaysia yang menggunakan *Facebook* untuk pelbagai tujuan seharian. Data direkodkan menggunakan buku kodan. Zuccala, Someren dan Bellen (2014) mendefinisikan buku kodan sebagai satu proses penyelidikan mengatur dan menyusun data yang di perolehi. Untuk melindungi privasi para informan, tujuan kajian diterangkan kepada semua informan dan kebenaran diminta melalui pesanan khidmat ringkas yang tersedia di laman sesawang masing-masing sebelum data diakses dan dikodkan. Untuk kajian ini, 35 mesej atau tetapan harian mereka antara bulan September 2017 sehingga Oktober 2017 telah dikumpulkan oleh penulis melalui halaman profil informan berdasarkan aktiviti informan di laman sesawang untuk melihat jikalau berlakunya penggunaan bahasa rojak.

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Demografik

Oleh kerana masa yang akan suntuk, hanya data daripada 25 informan direkodkan. Walaubagaimanapun, pengumpulan data adalah baik kerana telah mencapai peringkat ketepuan. Kesemua 25 informan menggunakan corak bahasa rojak secara berulang-ulang dalam penggunaan dalam laman sosial *Facebook* mereka. Informan terdiri daripada 25 orang informan yang menggunakan dwibahasa Melayu-Inggeris di

laman sosial *Facebook*. Daripada 25 orang informan, 11 orang daripada mereka adalah pengguna lelaki manakala 14 orang lagi adalah perempuan. Mereka berumur di antara 21 sehingga 30 tahun dan daripada pelbagai latar belakang pendidikan.

4.2 Corak Penggunaan Bahasa Rojak

Dapatan kajian secara am menunjukkan bahawa aliran pertuturan bahasa rojak dalam laman sosial Facebook adalah corak bahasa rojak campuran bahasa Melayu-Inggeris. Dapatan kajian mendapati kesemua 25 informan berkenaan menggunakan penggunaan bahasa rojak Melayu-Inggeris dan penggunaan bahasa dan tatabahasa adalah tidak tepat. Ini membuktikan cerminan sikap dan ketidakpercayaan rakyat Malaysia terhadap penggunaan bahasa Melayu di laman sosial seperti yang dikatakan oleh Tan Sri Lee Lam Thye (Utusan Malaysia, 2014). Ini menyokong dapatan kajian Zubaidah Ibrahim (2017) yang mendakwa bahawa penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya generasi muda semakin lesu dan celaru. Mereka bergelut dengan penggunaan bahasa rojak yang semakin popular serta digunakan secara meluas dalam komunikasi harian. Golongan profesional dilihat lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris dalam kebanyakan urusan.

Jadual 1: Aliran Pertuturan Bahasa Rojak Dalam Kalangan Pengguna Facebook Di Malaysia

STATUS DI LAMAN SOSIAL <i>FACEBOOK</i>	BAHASA INGGERIS	TERJEMAHAN	INFORMAN
<i>Happy anniversary</i> la ya. <i>Today bad luck</i> sebab hentam kereta orang	<i>Happy anniversary</i> <i>Today bad luck</i>	Selamat ulang tahun. Nasib malang hari ini.	Abby Mursyidah
Patut isi minyak semalam banyak <i>signboard</i> sedang dibaiki, rupa-rupanya minyak naik hari ini.	Signboard	Papan tanda	Afiq Syazwan
Bila boleh <i>check in</i> dekat kampung ni	<i>Check in</i>	Daftar masuk	
Jom <i>celebrate</i> .	<i>Celebrate</i>	Meraikan	Nur Asyikin
Kita <i>park</i> sini dulu.	<i>Park</i>	Meletakkan	
<i>Morning</i> kawan-kawan semua.	<i>Morning</i>	Pagi	Nadiah Anuar
Seronok sangat bila <i>final exam</i> dah habis.	<i>Final exam</i>	Peperiksaan akhir.	
<i>Lunch</i> dekat sini hari ini. Agak-agak <i>next</i> semester kita boleh lunch <i>together</i> macam ni lagi tak?	<i>Lunch</i> <i>Next</i> <i>Together</i>	Makan tengah hari Seterusnya Bersama-sama	NurAishah Ahmad
<i>Happy birthday</i> anak	<i>Happy birthday</i>	Selamat hari lahir	

bongsu makyong			Nabila Ahmad Shuhod
<i>No wonder</i> la ayah suruh belajar menjahit.	<i>No wonder</i>	Patutlah	
<i>Cute</i> , kuat bebel, <i>annoying</i> dan paling kuat <i>moody</i> .	<i>Cute</i>	Comel	Amira Nadhia
	<i>Annoying</i>	Mengjengkelkan	
	<i>Moody</i>	Muram	
<i>Urgent lunch</i> . Tak akan nak makan sambil berjalan.	<i>Urgent lunch</i>	Makan tengah hari yang mendesak	Farah Dalila Ishak
<i>Go trim</i> rambut sikit tepi telinga.	<i>Go trim</i>	Pergi potong	
Malaysia sangat <i>hot</i> .	<i>Hot</i>	Panas	
<i>Thank you</i> untuk penjelasan.	<i>Thank you</i>	Terima kasih	Zaleha Rahim
<i>Happy cheat day</i> katanya.	<i>Happy cheat day</i>	Selamat hari penipuan	Syazwanie Ishak
Tak pernah tak <i>sweet</i> .	<i>Sweet</i>	Manis	
<i>Test</i> buat sagu gula melaka pula. <i>Not bad!</i>	<i>Test</i>	Mencuba	Nur Farzana Ishak
	<i>Not bad</i>	Boleh tahan	
Kita pergi <i>check</i> gigi hari ini.	<i>Check</i>	Periksa	
Kakak-kakak <i>request</i> nak jalan-jalan dekat Aeon <i>mall</i> .	<i>Request</i>	Meminta	Faznie Samat
	<i>Mall</i>	Pasar raya	
Kes blogger yang kata dirinya sesat itu apa <i>story</i> ?	<i>Story</i>	Cerita	Liniey Nor
<i>Stay beautiful</i> macam saya	<i>Stay beautiful</i>	Kekal cantik	
Tak boleh <i>move on</i> la.	<i>Move on</i>	Teruskan	Wan Adzlyn
Biasalah adik-adik. Kalau jumpa <i>somebody</i> suka ambil gambar. Patut aku rasa panas semacam.	<i>Somebody</i>	Seseorang	Amran Sailudin
Alhamdulillah, tak <i>extend!</i>	<i>Extend</i>	Lanjut	Adib Bahrin

<i>Stress level</i> naik sampai ke kepala.	<i>Stress level</i>	Tahap tekanan	Tz Zin
Sudahlah tipu kawan-kawan kau tu dengan <i>statement nonsense</i> engkau.	<i>Statement nonsense</i>	Penyataan tidak masuk akal	Syed Zainul Syed Mohd
<i>Life</i> kau buat cara kau.	<i>Life</i>	Hidup	Rahman Man'z
<i>I need a very good</i> tidur petang.	<i>I need a very good</i>	Saya perlukan yang baik	Ac Mohd
Lama dah tak <i>dating</i> dengan mereka ini.	<i>Dating</i>	Temu janji	Zul Ismail
Ini baru betul-betul <i>mid-semester break</i> .	<i>Mid-semester break</i>	Cuti pertengahan semester	Tiera Dill
<i>This is true</i> . Bukan nak berlagak.	<i>This is true</i>	Ini adalah benar	Syazwan Shabirin
Perancangan <i>last minute</i> memang selalu menjadi.	<i>Last minute</i>	Saat akhir	Mohd Iqbal
<i>Congratulations</i> untuk kawan-kawan aku yang dah <i>convocation</i> .	<i>Congratulations</i> <i>Convocation</i>	Tahniah Konvokesyen	Mohd Naquiddin

5.0 KESIMPULAN

Bahasa bukan hanya berfungsi sebagai medium komunikasi semata-mata tetapi ia menjadi lambang serta identiti sesebuah masyarakat atau bangsa. Seiring dengan peredaran zaman, ia dirojakkan dengan bahasa asing secara berleluasa sehingga mencalarakan martabat bahasa itu. Menyedari keadaan itu, Penasihat Sosiobudaya Kerajaan, Tan Sri Dr. Rais Yatim menyarankan agar institusi pendidikan negara termasuk sekolah vernakular melaksanakan pengajaran sebutan Bahasa Melayu dengan betul. Ia bertujuan untuk memastikan masyarakat fasih dan menggunakan bahasa kebangsaan itu dengan baik.

Malah, ada juga berasa agak janggal apabila bertutur Bahasa Melayu. Generasi muda pula beranggapan bukanlah sesuatu yang pelik jika mereka tidak fasih bertutur dalam Bahasa Melayu kerana rata-rata masyarakat kita juga pincang dalam berbahasa Melayu. Masalah itu berpunca daripada sikap dan mentaliti sebahagian besar masyarakat yang beranggapan bahawa adalah sesuatu yang memalukan jika kita tidak fasih bertutur dalam bahasa asing. Sebaliknya, bukan sesuatu yang memalukan jika kita tidak fasih bertutur dalam Bahasa Melayu.

Kita sedar akan keperluan untuk menguasai bahasa asing pada era ini tetapi janganlah sehingga melupakan bumi yang dipijak. Untuk fasih berbahasa Melayu, kita perlu mendalami ilmu linguistik dan mempraktikkannya dalam pertuturan seharian. Kajian bahasa rojak di media sosial *Facebook* ini merupakan suatu fenomena yang tidak asing lagi dalam kalangan pengguna laman sosial ini kerana setiap

penutur di muka bumi ini mahir bertutur sekurang-kurang dua bahasa atau lebih memandangkan perkembangan ruang media sosial yang begitu pesat membangun bagai cendawan tumbuh selepas hujan.

Rentetan negara Malaysia yang semakin membangun dengan kepesatan dunia digital ini, kajian tentang bahasa rojak dalam laman media sosial boleh dikembangkan lagi. Justeru itu, andai penyelidik-penyelidik masa akan datang ingin meneruskan kajian mengenai bahasa rojak dalam laman media sosial ini, penulis mencadangkan penyelidikan masa hadapan agar dapat mengkaji bahasa rojak dalam “*Twitter*”, “*WeChat*” dan “*Whatsapp*” memandangkan ketiga-tiga laman sosial media ini makin terkenal di mata dunia dan menjadi pilihan golongan muda.

Selain itu, penulis juga berharap dengan kajian ini dapat memberi gambaran dan rujukan untuk pengkaji-pengkaji pada masa akan datang untuk mengkaji penggunaan bahasa rojak dalam media sosial ini.

Rujukan

- Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. (2006). Dipetik daripada <http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%2032.pdf>
- Aminudin Mansor. (2013, Jun 12). Bahasa ‘sekerat ular sekerat belut’. *Sinar Harian Online*. Dimuat turun daripada <http://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/bahasa-sekerat-ular-sekerat-belut-1.170069>
- Cárdenas-Claros, M.S., & Isharyanti, N. (2009). Code-switching and code-mixing in Internet chatting: Between 'yes,' 'ya,' and 'si' - a case study. *The JALT CALL Journal*, 5. Dipetik daripada http://jaltcall.org/journal/articles/5_3_Cardenas_Abstract.html.
- Du Bartell, D. (1995). Discourse features of computer-mediated communication: 'Spokenlike' and 'written-like'. *Anglicana Turkuensia*, 14, 231-239.
- Hale, C. (Ed.). (1996). *Wired style: Principles of English usage in the digital age*. San Francisco, CA: Publishers Group West.
- Herring, S. (Ed). (1996). *Computer-mediated communication: Lingusitic, social and cross-cultural perspectives*. Amsterdam: John Benjamins Publishing.
- Hisham Musa & Halimah Pondo. (2012). *Isu sosiolinguistik di Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Kamila Ghazali. (2010). National identity and minority languages. *UN Chronicle Online*. Dipetik daripada http://www.un.org/wcm/content/site/chronicle/home/archive/issues2010/un_academic_impact/national_identity_and_minority_languages
- Lewis, P. (Ed.). (2009). *Ethnologue: Languages of the world* (16th ed.). Dallas, Tex.: SIL International.
- Noriah Mohamed. (2006). *Penggunaan bahasa dalam ruang siber: Mode lisan dalam bentuk bertulis*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

- Ryan, M. L. (1999). Immersion vs. interactivity: Virtual reality and literary theory. *SubStance*, 28(2), 110-137.
- Sulaiman Ngah Razali. (1996). *Analisis data*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan Sri Lee Lam Thye (Utusan Malaysia, 2014). Bahasa rojak bukan budaya kita. Dipetik daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/bahasa-rojak-8232-bukan-budaya-kita-1.15866>
- Teo Kok Seong. (2003). *Ragam bahasa dalam komunikasi elektronik*. Kuala Lumpur: Pelita Bahasa.
- Wilbur, S. P. (2000). An archaeology of cyberspaces: Virtuality, community, identity. In Bell. D and Kennedy B. M. (Ed). *The cybercultures reader* (m. s. 50-55), London: Routledge.
- Zubaidah Ibrahim (2017). Bahasa mudah, cepat, santai pilihan generasi Y. *Kosmo!* Dipetik daripada http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=1031&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_02.htm.
- Zuccala, A., Someren, M., & Bellen, M. (2014). A machine-learning approach to coding book reviews as quality indicators: Toward a theory of megacitation. *Journal of the Association for Information Science and Technology*, 65(11), 2248-2260.